



PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA
Intellectual Property Corporation of Malaysia

**PROSIDUR
PEMERIKSAAN PATEN DIPERCEPATKAN**

**PEJABAT PENDAFTARAN PATEN
2023**

PEMRIKSAAN DIPERCEPATKAN PERMOHONAN PATEN

1. Permintaan Pemeriksaan Dipercepatkan

Pemohonan paten yang telah difailkan permintaan bagi pemeriksaan substantif, boleh memohon permintaan pemeriksaan dipercepatkan apabila permohonan paten tersebut telah tersedia untuk pemeriksaan awam.

2. Bagaimana untuk memohon?

Pemohon hendaklah mengemukakan Borang 5H (Permintaan bagi Kelulusan Pemeriksaan Paten Yang Dipercepatkan) dengan bayaran yang ditetapkan berserta Akuan Berkanun dengan menyatakan sebab-sebab permintaan pemeriksaan dipercepatkan dipohon. Permohonan boleh dibuat melalui sistem IP Online (tertakluk kepada ketersediaan) atau secara manual. Jika pemfailkan dibuat secara **manual**, sila gunakan **kertas berwarna hijau sebagai cover letter** bagi mengelakkan permohonan terlepas pandang dan memudahkan proses permohonan juga.

3. Syarat-syarat yang boleh diterima oleh Pendaftar bagi meluluskan permintaan pemeriksaan dipercepatkan? Peraturan 27E, Akta Paten 1983

- Ia adalah demi kepentingan negara dan awam;
- Suatu prosiding pelanggaran sedang berjalan atau terdapat keterangan membuktikan kemungkinan berlaku pelanggaran berkenaan dengan paten yang dipohon;
- Pemohon telah mengkomersilkan reka cipta atau bercadang untuk mengkomersilkan reka cipta dalam masa dua (2) tahun dari tarikh pemfailan permintaan bagi pemeriksaan yang dipercepatkan di bawah peraturan ini;
- Pemohonan untuk pendaftaran paten tersebut adalah suatu syarat untuk memperoleh faedah kewangan

daripada Kerajaan atau badan yang diiktiraf oleh Pendaftar;

- Reka cipta itu adalah berhubung dengan teknologi hijau yang akan meningkatkan kualiti alam sekitar atau pemulihan sumber tenaga ;
- Terdapat alasan munasabah lain yang menyokong permintaan itu.

Pemohon akan dimaklumkan apabila permohonan untuk pemeriksaan dipercepatkan telah diluluskan. Pemohon dikehendaki memfailkan Borang 5I (Permintaan Bagi Permohonan Pemeriksaan Dipercepatkan) berserta bayaran yang ditetapkan dalam tempoh lima (5) hari bekerja dari tarikh notis Pendaftar.

4. * Kos pemfailan?

- Borang 5H adalah RM250.00. Permintaan bagi Pemeriksaan Substantif perlu difailkan terlebih dahulu dengan bayaran sebanyak RM1,100.00.
- Borang 5I adalah RM2,800.00

* Yuran pengendalian akan dikenakan mengikut Peraturan 52, Akta Paten (Pindaan 2022) dan Peraturan-Peraturan (Pindaan) 2022, untuk pemfailan manual.

Jadual Bayaran bagi Pemeriksaan Dipercepatkan:


Form	(RM)
Borang 1/14	290.000 / 140.00
Borang 5	1100.00
Borang 5H	250.00
Borang 5I	2,800.00
Jumlah bagi Paten	4,440.00
Perbaharuan Utiliti (UI)	4,290.00

5. Tempoh masa bagi memproses permohonan?

- Setelah Borang 5I diterima dan pembayaran fi, permohonan akan diperiksa bagi pemeriksaan substantif dalam tempoh empat (4) minggu.
- Jika Pegawai Pemeriksa mendapati bahawa mana-mana keperluan substantif tidak dipatuhi, Pendaftar hendaklah memberi satu peluang kepada pemohon selama tiga (3) minggu dari tarikh laporan *adverse* dikeluarkan, bagi membuat semakan dan pindaan ke atas permohonan tersebut. Tiada perlanjutan masa akan dibenarkan.
- Sekiranya pemohon memberikan maklum balas kepada laporan *adverse* dalam tempoh tiga (3) minggu, Pendaftar hendaklah menjalankan pemeriksaan semula dalam tempoh tiga (3) minggu dan hendaklah memberikan keputusan muktamad bagi pemeriksaan substantif yang dipercepatkan.
- Jika tiada maklum balas difailkan dalam tempoh tiga (3) minggu atau jika pemohon gagal mematuhi permintaan Pendaftar, permintaan bagi pemeriksaan dipercepatkan akan ditarik balik dan permohonan paten akan dianggap sebagai permohonan biasa.
- Tempoh pemprosesan bagi pemeriksaan dipercepatkan adalah empat (4) bulan tiga (3) minggu (bagi tindakan pengeluaran laporan yang pertama) dari tarikh penerimaan permintaan bagi pemeriksaan dipercepatkan dengan syarat permohonan mematuhi Akta dan Peraturan Paten (*clear cut case*).

- Walau bagaimanapun, pemohon boleh memilih untuk mendapat kelulusan lebih awal dengan memaklumkan kepada Pegawai sebaik sahaja Laporan *Clear* Substantif dikeluarkan oleh Pejabat Pendaftaran Paten.

CARTA ALIR PERMINTAAN PEMERIKSAAN DIPERCEPATKAN



Pemberian Geran Paten adalah 4 bulan 3 minggu dari tarikh pemfailan Permintaan bagi Kelulusan Pemeriksaan Paten Yang Dipercepatkan (Borang 5H) dan hanya terpakai bagi permohonan yang tiada bantahan.